| | | | | *The government and parties concerned need to carry out volunteer-type activities that can nurture the spirit of patriotism so that individualism can be weeded out and the spirit of unity among youth and the society can be elevated.*<br><br>Mengesahkan dan menyemak kesahihan/kebenaran sesuatu maklumat yang diperoleh sebelum disebarkan bagi memperkukuhkan integriti dalam diri belia.<br>*To certify and revise the authenticity and truth of any information obtain before it is disseminated in order to strengthen integrity in youth.*<br><br>Belia IPT berperanan sebagai agen dalam usaha memupuk semangat patriotisme dan nilai integriti dalam kalangan belia.<br>*Youth in institutions of higher learning serves as an agent in order to foster the spirit of patriotism and integrity among youth.* |
| **PERSIDANGAN ANTARABANGSA PEMIMPIN MUDA (ICYL)**<br>INTERNATIONAL CONFERENCE ON YOUNG LEADERS (ICYL) | | | | |
| 7 | Keusahawanan Sosial Memacu Perubahan, 18-21 Mac, PWTC<br>*Social Entrepreneurship Spurring Changes, 18 -21 March, PWTC* | **Pembentang Luar Negara**<br>***Foreign Presentation***<br>Prof. Dr. Dean S. Karlan<br>Professor Of Economics<br>Yale University<br>United State of Amerika<br><br>Dr. Asher Hasan<br>CEO Of Naya JeevanPakistan<br><br>Ms. Jaya Myler<br>Communication Manager<br>World Toilet Organization (WTO)<br>Singapore<br><br>Ms. Veronica Colondam<br>CEO/Founder<br>YCAB Foundation, Indonesia<br>Indonesia<br><br>Mr. Rene Cuartero<br>Regional Advisor For Asia And The Pacific Child And Youth Finance International<br>Holland<br><br>Ms. Audrey Tan<br>Chief Executive Director of playmoolah,<br>Singapore<br><br>Mr. Prasoon Kumar<br>Chief Executive Director Of Billionbricks, Singapore | **Objektif Umum:**<br>***General Objective:***<br>Untuk menghimpunkan pemimpin-pemimpin muda kebangsaan dan serantau dalam ruang perbincangan intelektual secara tahunan.<br>*To gather young leaders of the nation and in the region in the intellectual discussion space annually.*<br><br>**Objektif Persidangan:**<br>***Objective of the Conference:***<br>Objektif pelaksanaan PERSIDANGAN ANTARABANGSA PEMIMPIN MUDA mengenai Keusahawanan Sosial adalah seperti berikut:-<br>*The objective of the International Conference of Young L:eaders regarding Social Entrepreneurship is as follows:-*<br><br>Menjadi pemangkin dalam usaha KBS melahirkan generasi muda yang mempunyai kesedaran untuk membawa perubahan yang positif kepada masyarakat;<br>*To be a catalyst in KBS's efforts to create a young generation that has awareness in order to bring positive changes to society;*<br><br>Mewujudkan peluang dan ruang bagi peningkatan penglibatan belia Malaysia dalam keusahawanan sosial;<br>*To create opportunities and space to increease the involvement of Malaysian youth in social entrepreneurship;* | ICYL 2015 dianjurkan oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES), sebuah agensi di bawah Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dengan kerjasama Malaysia Global Innovation and Creative Centre (MaGIC), Social Enterprise Malaysia (SEM), myHarapan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Majlis Belia Malaysia (MBM) dengan sokongan IYC, UPM, MOF, Kementerian Luar Negeri, Scope Group, Agensi Inovasi Malaysia, SEA, Genovasi, Tandemic, My skill Foundation, CAYC, iM4U, MDEC, Orlaith, Indeepreneur dan Thriving Talent.<br>*ICYL 2015 organized by the Institute for Youth Research (IYRES), an agency under the Ministry of Youth and Sports (KBS) with the cooperation of Malaysia Global Innovation and Creative Centre (MaGIC), Social Enterprise Malaysia (SEM), myHarapan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Malaysian Youth Council (MBM) with the support of IYC, UPM, MOF, Ministry of Foreign Affair, Scope Group, Malaysian Innovation Agency, SEA, Genovasi, Tandemic, My skill Foundation, CAYC, iM4U, MDEC, Orlaith, Indeepreneur dan Thriving Talent.* |

| BIL. | NAMA/TARIKH | AHLI PANEL | OBJEKTIF | RESOLUSI/RUMUSAN/ PENCAPAIAN/GAMBAR (JIKA ADA) |
|---|---|---|---|---|
| | | Ms. Laina Raveendran Greene<br>Senior Advisor, Ashoka Global<br>Indonesia<br><br>Mr. Jose Luis Oquiñena<br>Executive Director<br>Gawad Kalinga Community Development Foundation Inc.<br>Philippines<br><br>**Pembentang Tempatan**<br>***Local Presentation***<br><br>Prof. Dr. Raja Suzana Raja Kasim<br>Professor of Management and Entrepreneurship,<br>Universiti Malaysia Kelantan (UMK)<br><br>Prof. Madya Datin Dr.Shamshubaridah Ramlee<br>Director of UKM-CESMED<br>Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)<br><br>Mr. Christoffer Erichsen<br>CEO of SCOPE Group<br>Mr. Daniel Loy<br>Vice President of Agensi Inovasi Malaysia (AIM)<br><br>Dr. Tee Keng Kok<br>Chief Accreditation of Putra Business School, Universiti Putra Malaysia (UPM)<br><br>Dr. Lutfi Fadil Lokman<br>Executive Director of<br>Hospital Beyond Boundaries (HBB)<br><br>Mrs. Nurfarini Daing<br>CEO of Myharapan<br><br>Mr. Zaiwin Kassim<br>Chairman of Koperasi Belia Inovatif Sarawak Berhad | Memberi peluang kepada usahawan sosial dalam mengembangkan pengaruh terhadap jaringan pasaran dalam bidang Keusahawanan Sosial;<br>*To give social entrepreneurs the opportunity to spread influence on the market network in the Social Entrepreneurship field;*<br><br>Membincangkan objektif dan matlamat bagi mewujudkan perhubungan kerjasama antara pihak tempatan dan antarabangsa.<br>*To discuss objectives and aims in order to create cooperation between doMUSTc and international parties.*<br><br>Meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan keusahawanan sosial bagi memenuhi matlamat Model Ekonomi Baru.<br>*To increase awareness towards the importance of social entrepreneurs in order to fulfil the goal of the New Economic Model.* | Majlis perasmian persidangan diadakan pada 19 Mac 2015 yang telah disempurnakan oleh YAB Dato' Sri Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia bertempat di Dewan Tun Dr. Ismail. Sesi perasmian telah dihadiri seramai 700 orang yang terdiri daripada YB Menteri, Timbalan Menteri, YB Datuk Hj Fadillah Yusof, Menteri Kerja Raya, wakil-wakil KSU daripada Kementerian MITI, KDN, KKB, P&KPKT, Pegawai-pegawai Kanan KBS, para delegasi peserta tempatan dan antarabangsa, pempamer serta pengamal media.<br>*The conference's opening ceremony was held on 19th March 2015 and was officiated by YAB Dato' Sri Najib Tun Abdul Razak, the Prime Minister of Malaysia in Dewan Tun Dr. Ismail. The ceremony was attended by 700 orang comprising Ministers, Deputy Ministers, YB Datuk Hj Fadillah Yusof, Public Works Minister, representatives of KSU from Ministries of MITI, KDN, KKB, P&KPKT, Senior Officers of KBS, local and international delegations of participants, exhibitors and media practitioner.*<br><br>YAB Perdana Menteri turut menyampaikan anugerah sebagai memberi perhatian dan penghargaan kepada golongan belia yang terlibat dalam menyumbangkan idea dan tenaga dalam konteks keusahawanan sosial. Anugerah berprestij ini dinamakan Hope Awards dengan dinilai berdasarkan 7 kategori iaitu Education & Employability; Civic Action & Human Rights; Environmental Conservation & Sustainability; Arts, Culture & Heritage; Less is More; Poverty Alleviation dan Youth-Friendly yang dilaksanakan dengan kerjasama myHARAPAN.<br>*YAB Prime Minister also gave awards in recognition and appreciation of youths involved in contributing ideas and manpower towards social entrepreneurship. This prestigious award was named Hope Awards with 7 categories, i.e. Education & Employability; Civic Action & Human Rights; Environmental Conservation & Sustainability; Arts, Culture & Heritage; Less is More; Poverty Alleviation and Youth-Friendly. These awards were created with the cooperation of myHARAPAN.*<br><br>Majlis penutup persidangan ICYL 2015 telah disempurnakan oleh Y.Bhg Datuk KSU pada 21 Mac 2015 yang dihadiri seramai 400 orang termasuk Pegawai-pegawai Kanan KBS, Wakil-wakil Agensi dan Stakeholders serta peserta ICYL.<br>*ICYL 2015's closing ceremony was officiated by Y.Bhg Datuk KSU on 21st March 2015 with 400 people attending including Senior Officers of KBS, Agency representatives and Stakeholders as well as ICYL participants.* |

| BIL. | NAMA/TARIKH | AHLI PANEL | OBJEKTIF | RESOLUSI/RUMUSAN/ PENCAPAIAN/GAMBAR (JIKA ADA) |
|---|---|---|---|---|
| | | | | Pada majlis tersebut Y.Bhg Datuk Jamil bin Salleh, Ketua Setiausaha (KSU), KBS telah menyampaikan sijil penghargaan kepada peserta i-pitching, pempamer dan wakil-wakil peserta setiap negara. (15 Negara).<br>*During the ceremony, Y.Bhg Datuk Jamil bin Salleh, Chief Secretary (KSU), KBS gave out certificates of appreciation to i-pitching participants, exhibitors and participating representatives of each country. (15 Countries).*<br><br>Keseluruhan peserta berdaftar adalah seramai 385 orang di mana sejumlah 295 orang penyertaan tempatan dan 90 orang penyertaan antarabangsa. Berdasarkan penyertaan tempatan, sejumlah 115 orang peserta adalah terdiri daripada belia yang sedia ada terlibat keusahawanan sosial.<br>*Overall registered participants totaled 385 out of which 295 were local participants and 90 being international participants. Among the local participants, 115 were youths who are involved in existing social entrepreneurships.*<br><br>Seramai 9 orang pembentang antarabangsa dan 8 orang pembentang tempatan telah hadir.<br>*There were 9 international presenters and 8 local presenters present.*<br><br>Daripada 43 orang peserta luar negara, seramai 22 orang adalah peserta antarabangsa yang belajar di IPT tempatan.<br>*Out of,43 foreign participants, 22 were international participants studying in local institutions of higher learning.*<br><br>#ICYL di media sosial iaitu di twitter telah mendapat sebanyak 95,600 respon dan 683 respon telah diterima daripada #ICYL di instagram.<br>*#ICYL in social media, i.e. Twitter received 95,600 responses and 683 responses were received from the #ICYL in instagram.*<br><br>Sejumlah 48 booth telah dibuka dari pelbagai organisasi.<br>*A total of 48 booths from various organizations were set up.*<br><br>Mendapat liputan di dada-dada akhbar main stream seperti Utusan Malaysia, Berita Harian, Kosmo serta Fokus bermula daripada tindakan promosi hingga berita mutakhir semasa dan selepas penganjuran program.<br>*Getting front page news coverage in main stream presses like Utusan Malaysia, Berita Harian, Kosmo and Fokus beginning from promotional activities to up-to-the-minute news during and after the programme.* |

| BIL. | NAMA/TARIKH | AHLI PANEL | OBJEKTIF | RESOLUSI/RUMUSAN/ PENCAPAIAN/GAMBAR (JIKA ADA) |
|---|---|---|---|---|
| | | | | Berdasarkan penilaian yang dilaksanakan dalam kalangan 243 orang peserta yang menjadi responden kajian mendapati bahawa secara keseluruhan, pelaksanaan konferen yang dilaksanakan ini telah mendapat reaksi yang positif daripada peserta yang hadir. Mereka menyatakan melalui konferen yang dilaksanakan ini telah memberi platform terbaik dalam mengetengahkan Social Entrepreneurship (SE) sebagai bidang yang baru untuk diterokai dengan lebih mendalam dan dijadikan satu bidang seperti bidang-bidang lain. Penilaian telah dilaksanakan secara dua kategori iaitu penilaian terhadap pembentang dan penilaian terhadap keseluruhan program.<br>*Based on the evaluation of 243 participants who were respondents, the study found that on the whole, this conference has received positive reaction from participants who attended. They mentioned that this conference has given them the best platform to bring ahkan Social Entrepreneurship (SE) forward as the best new field to explore in a deeper measure and made into a field like any other. The evaluation was done in two categories, i.e. evaluation of presentation and evaluation of the programme as a whole.* |
| **LUNCHEON TALK/BICARA INTELEK**<br>LUNCHEON TALK/INTELLECTUAL DISCUSSION | | | | |
| 8 | Luncheon Talk Siri 1/2016<br>30 September 2015<br>*Luncheon Talk Series 1/2016*<br>*30 September 2015* | Dr. Mohd Yusof Saari<br>Universiti Putra Malaysia (UPM)<br><br>Topik: Cabaran Anjakan Ekonomi<br><br>*Topic: The Challenge of a Shifting Economy* | Perkongsian dan penyebaran ilmu serta maklumat terkini berdasarkan penyelidikan yang telah dilaksanakan bagi memenuhi keperluan tuntutan pembangunan belia masa kini.<br>*Sharing and spreading of knowledge and latest information based on research conducted in order to meet the development requirements of today's youth.*<br><br>Sebagai panduan dalam merangka, merancang dan merencanakan agenda pembangunan belia agar selaras dengan RMK-11.<br>*As a guide to framing and planning an agenda on the development of youth so that it coordinates with RMK-11.* | Program tersebut memberi outcome yang bermanfaat iaitu seperti berikut :<br>*This programme produced a beneficial outcome as follows:*<br><br>• Peserta program berpeluang mengetahui trend terkini dalam bidang pembangunan ekonomi belia bagi menambah baik perkhidmatan dalam merangka, merancang dan melaksana aktiviti pembangunan belia di Malaysia.<br>• *Participants had the opportunity to find out the latest trends in the youth economic development in order to improve services in drafting, planning and carrying out youth development activities in Malaysia.*<br>• Peserta program menjadi lebih mahir dalam menyusun strategi dalam menangani sesuatu isu yang timbul dalam pembangunan belia.<br>• *Participants became more skilled in strategical arrangement when handling issues arising from youth development.*<br>• Peserta program dapat menyelaraskan agenda pembangunan belia selaras dengan keperluan dasar dan polisi belia serta RMK-11.<br>• *Participants were able to coordinate the youth development agenda with youth policy requirements and RMK-11.* |

| BIL. | NAMA/TARIKH | AHLI PANEL | OBJEKTIF | RESOLUSI/RUMUSAN/ PENCAPAIAN/GAMBAR (JIKA ADA) |
|---|---|---|---|---|
| 9 | Bicara Intelek Siri 1/2016<br>13 November 2015<br>*Bicara Intelek Siri 1/2016*<br>*13 November 2015* | YBhg. Prof. Madya Dato' Dr Mohd Asri Zainul Abidin<br>Ahli Lembaga Pengarah IYRES<br><br>Topik: Maqasid Syariah Membina Peradaban Belia.<br><br>*YBhg. Prof. Madya Dato' Dr Mohd Asri Zainul Abidin*<br>*Member of the Board of Directors IYRES*<br><br>*Topic: Maqasid Syariah Building Youth Civilization* | Program Bicara Intelek IYRES 2015 merupakan inisiatif program yang memberi pendedahan kepada Pengurusan Tertinggi KBS untuk membincangkan isu-isu belia terkini serta berkongsi pengetahuan dalam menangani masalah belia yang berbentuk pengurusan organisasi, pembangunan minda dan motivasi sebagai perancang dan pelaksana agenda pembangunan belia.<br>*The IYRES 2015 Intellectual Discurssion Programme is an initiative programme that gives exposure to KBS's top management to discuss issues of today's youth and share information on how to handle the youth problem in the form of organization management, mind and motivational development as the agenda on planning and implementing the development of youth.* | Program tersebut memberi outcome yang bermanfaat iaitu seperti berikut:<br>*This programme produced a beneficial outcome as follows:*<br><br>• Peserta program berpeluang mengetahui berkaitan maqasid syariah membina peradaban belia bagi menambah baik perkhidmatan dalam merangka, merancang dan melaksana aktiviti pembangunan belia di Malaysia.<br>• *Participants had the opportunity to find out about maqasid syariah in building youth civilization in order to improve services in drafting, planning and implementing youth development activities in Malaysia.*<br>• Peserta program menjadi lebih mahir dalam menyusun strategi dalam menangani sesuatu isu yang timbul dalam pembangunan belia.<br>• *Participants became more skilled in strategical arrangement when handling issues arising from youth development..*<br>• Peserta program dapat menyelaraskan agenda pembangunan belia selaras dengan keperluan dasar dan polisi belia serta RMK-11.<br>• *Participants were able to coordinate the youth development agenda with youth policy requirements and RMK-11.* |
| **FORUM & DIALOG BELIA**<br>YOUTH FORUM & DIALOGUE | | | | |
| 10 | 'Cukai Barang & Perkhidmatan (GST); Perspektif Belia'.<br><br>01 Ogos 2015<br><br>Kompleks Belia dan Sukan Kota Bharu, Kelantan Kompleks Belia dan Sukan Kota Bharu, Kelantan<br><br>*'Goods & Services Tax (GST); Youth's Perspective.*<br><br>*1st August 2015*<br><br>*Youth and Sports Complex, Kota Bharu, Kelantan* | **Moderator:**<br>***Moderator:***<br>*En. Shahbudin Hashim*<br>Yang Di-Pertua , Majlis Belia Kelantan.<br>*Yang Di-Pertua, Kelantan Youth Council*<br><br>**Penceramah I:**<br>***Speaker I:***<br>En. Abdul Rahim Loman<br>Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan Negeri Kelantan<br>*Ministry of DoMUSTc Trade, Cooperative And Consumerism Negeri Kelantan*<br><br>**Penceramah II:**<br>***Speaker II:***<br>En. Muhammad Syafiq bin Mohd. Mazalan<br>Kumpulan Media UNC Sdn. Bhd.<br>*Kumpulan Media UNC Sdn. Bhd.* | Memandu serta memberi penerangan serta kefahaman yang jelas kepada para mengenai pelaksanaan serta implikasi pelaksanaan Cukai Barang & Perkhidmatan (GST) yang telah dilaksanakan pada tahun 2015.<br>*To navigate and give clear explanation and information to youths regarding the implementation and implication of implementing the Goods & Service Tax (GST) 2015.*<br><br>Memberi platform kepada para belia untuk mengutarakan pertanyaan mengenai pelaksanaan serta implikasi pelaksanaan GST.<br>*Provide a platform for the youth to make enquiries regarding the implementation and implication of implementing GST.*<br><br>Mendapatkan maklum balas serta menyediakan ruang interaksi di antara para belia dengan agensi-agensi pelaksana GST.<br>*Obtain feedback and prepare an interaction space between youths and agencies that implemented the GST.* | • Forum dan Dialog Belia ini dapat memberi kefahaman kepada golongan belia berkaitan pelaksanaan dan impak implementasi GST di Malaysia.<br>• *The Youth Forum and Dialogue gave youths a better understanding of the implementation and impact of GST in Malaysia.*<br>• Melalui program tersebut juga pihak IYRES akan menyelami persepsi golongan belia terhadap pelaksanaan GST.<br>• *Through this program also, IYRES will comprehend youth's perception of the implementation of GST.*<br>• Input yang terhasil daripada forum tersebut dapat dijadikan asas untuk hala tuju penyelesaian yang terbaik dalam kaedah pengendalian dan pengurusan cukai untuk pembangunan belia.<br>• *Input from this forum can be made a foundation towards the best solution in handling and managing taxes for youth development.* |

| BIL. | NAMA/TARIKH | AHLI PANEL | OBJEKTIF | RESOLUSI/RUMUSAN/ PENCAPAIAN/GAMBAR (JIKA ADA) |
|---|---|---|---|---|
| **TALK SHOW/MINI TALK SHOW**<br>TALK SHOW/MINI TALK SHOW | | | | |
| 11 | Talk Show Indeks Belia Malaysia 2015 Bersama-sama YB KJ 29 Oktober 2015 Malaysian Global Innovation & Creativity Centre (M@GIC), Cyberjaya<br>*Talk Show on Malaysian Youth Index 2015 with YB KJ 29th October 2015 Malaysian Global Innovation & Creativity Centre (M@GIC), Cyberjaya* | Menampilkan YB En. Khairy Jamaluddin, Menteri Belia dan Sukan.<br>Moderator jemputan En. Jufitri Johar<br>*Presenting YB En. Khairy Jamaluddin, Minister of Youth And Sports.*<br>*Guest Moderator En. Jufitri Johar* | Sebagai platform menyebarluas dan memberi pendedahan secara interaktif kepada pemegang taruh pembangunan belia berkaitan Indeks Belia Malaysia 2015 (IBM '15) dengan<br>*As a platform to disseminate and give interactive exposure to stakeholders of youth development related to the 2015 Malaysian Youth Index (IBM '15)*<br><br>Peserta program adalah terdiri dalam kalangan 12 kementerian yang terlibat secara langsung dalam agenda pembangunan belia. Agensi-agensi pusat (EPU, ICU, JK Pemandu JPM), Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), Institusi Pengajian Tinggi (Pentadbir/ Tenaga Pengajar/Pemimpin Pelajar), Belia Massa, Felo dan Media.<br>*Participants of this programme is made up of 12 ministries directly involved in the youth development agenda. Central agencies (EPU, ICU, JK Pemandu JPM), Non-Governmental Organizations (NGOs), Higher Learning Institutions (Administrator/ Teaching Staff/Student Leaders), Mass Youth, Felo and Media.* | |

| | |
|---|---|
| Perhimpunan Mesra Bulanan KBS (Mei 2015)<br>*KBS Monthly Cordial Assembly (May 2015)* | • Anjuran IYRES dan Pusat Belia Antarabangsa (IYC)<br>• Perhimpunan tersebut telah diadakan di Dewan Podium, Menara KBS, Putrajaya.<br>• *Organized by IYRES and International Youth Centre (IYC).*<br>• *The assembly was held in the Podium Hall, Menara KBS, Putrajaya.* |
| Kunjungan Hormat Delegasi Ketua-ketua Eksekutif World Association for Sport Management (WASM) ke IYRES. 21 Ogos 2015<br>*Courtesy Call of the Delegation of Chief Executives of World Association for Sport Management (WASM) to IYRES. 21 August 2015* | • Ia telah dipengerusikan oleh YBrs. Dr. Hajah Wasitah Hj. Mohd. Yusof, Ketua Pegawai Eksekutif IYRES.<br>• IYRES telah menerima Kunjungan Hormat Delegasi Ketua-ketua Eksekutif WASM dengan kerjasama YBhg. Dr. Wirdawati bt. Mohd Radzi, Ketua Malaysia Sports Management Association (MASMA).<br>• Mempromosikan IYRES kepada pihak World Association for Sport Management (WASM).<br>• Menjalin networking IYRES bersama-sama pihak MASMA dan WASM dalam pembangunan belia di peringkat antarabangsa.<br>• *It was chaired by YBrs. Dr. Hajah Wasitah Hj. Mohd. Yusof, Chief Executive Officer of IYRES.*<br>• *IYRES received a courtesy call from WASM's delegation of Chief Executives with the cooperation of YBhg. Dr. Wirdawati bt. Mohd Radzi, Head of Malaysia Sports Management Association (MASMA).*<br>• *Promoting IYRES to the World Association for Sport Management (WASM).*<br>• *Establishing IYRES networking with MASMA and WASM towards youth development at international level.* |






Sepanjang tahun 2015, Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) telah melaksanakan pengumpulan Profil Belia Negara dari pelbagai sumber seperti program anjuran di bawah agensi Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dan IYRES. Sehingga Bulan Disember 2015, IYRES telah berjaya mengumpul pendaftaran Profil Belia Negara (PBN) ke dalam Sistem E-Belia iaitu sebanyak 249,455 data PBN melalui penggunaan borang secara manual mahupun melalui online dan menjadikan sebanyak 62.81 % peningkatan pengumpulan data PBN berbanding tahun 2014. Ini adalah kerana, IYRES telah mengorak langkah dengan melaksanakan pelaksanaan pengumpulan data PBN melalui beberapa Fasa yang lebih menjuruskan kepada sasaran belia Menuntut di Sekolah Menengah dan Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Bagi tahun 2015, IYRES telah melaksanakan pengumpulan data PBN bagi Fasa I di Seluruh Sekolah Menengah di Negeri Selangor, Putrajaya dan Kuala Lumpur. Di samping itu juga, bagi IPTA yang terpilih ialah Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Putra Malaysia, Universiti Malaya, dan Universiti Islam Malaysia. Dalam usaha pengumpulan data tersebut, IYRES juga telah melantik sebanyak 55 orang Enumerator daripada kalangan belia untuk sama-sama membantu melaksanakan edaran borang dan pengekodan borang maklumat PBN ke dalam Pangkalan Data Sistem E-Belia.

*Throughout 2015, the Institute for Youth Research Malaysia (IYRES) carried out Profile Gathering of the Nation's Youth from various sources like programs organized by agencies under the Ministry of Youth and IYRES itself. Until the month of December 2015, IYRES succeeded in gathering registered National Youth Profile data in the E-Youth System, i.e. a total of 249,455 National Youth Profile data through the usage of manual or online forms which led to an increase in 62.81% National Youth Profile data gathered compared to 2014. This is due to IYRES taking the first step in conducting data gathering of the National Youth Profile through several phases that targets youths from Secondary Schools and Public Institutions of Higher Learning. For 2015, IYRES carried out the gathering of National Youth Profile data for Phase I from all secondary schools in di Selangor, Putrajaya and Kuala Lumpur. Besides that, the chosen public institutions of higher learning are Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Putera Malaysia, Universiti Malaya, and Universiti Islam Malaysia. In their efforts to gather the data, IYRES also appointed a total of 55 Enumerators from among youths to help with the distribution of forms and codification of the National Youth Profile forms into the E-Youth database system.*

## **Buletin Fakta Edisi 1** | Edition 1 Fact Bulletin




Edisi pertama bagi tahun 2015 menampilkan tema IYRES Peneraju Penyelidikan Belia. Tema tersebut dipilih berdasarkan kepada tagline baru IYRES iaitu Knowledge. Action. Impact. *Tagline* ini diterjemahkan kepada tindakan-tindakan yang perlu diambil merujuk kepada syor-syor sesuatu hasil kajian.

*The first edition for 2015 featured the theme IYRES – Leader in Youth Research. The theme was chosen based on IYRES's new tagline, i.e. Knowledge. Action. The impact from the translation of study findings of actions needed to be taken refers to proposals from certain researches on certain subjects of research.*

## **Buletin Fakta Edisi 2** | Edition 2 Fact Bulletin




Edisi Kedua bagi tahun 2015 membawakan senario belia pada masa ini sama ada berada di badar mahupun luar bandar yang lebih memfokuskan isu kos sara hidup yang kian meningkat dan mempengaruhi corak perbelanjaan harian mereka Isu semasa memaparkan tentang golongan belia mendominasi kawasan penempatan di bandar dan berhadapan dengan kos sara hidup yang tinggi. Disokong dengan hasil kajian dan statistik berhubung belia khusus di bandar.

*The second edition of 2015 gives a scenario of today's youth whether in the cities or in rural areas. It focuses more on the issue of the rising cost of living and how it influences their daily spending. The current issue shows how youth dominates dwelling places in the cities and having to face high costs of living. This is supported by research findings and statistics regarding youth particularly in the cities.*

## **Buletin Fakta Edisi 3** | Edition 3 Fact Bulletin




Edisi Ketiga bagi tahun 2015 mengetengahkan tema Survival Belia yang menekankan kemampuan belia menuju masa hadapan dalam pelbagai aspek terutama cabaran dunia digital, nilai-nilai patriotisme dan cabaran kos sara hidup serta kelangsungan hidup.

*The third edition of 2015 featured the theme Youth Survival that stresses on the ability of youth to head towards the future in various aspects, especially the challenges of the digital world, values of patriotism and challenges of the cost of living as well as carrying on with life.*

## **Buletin Fakta Edisi 4** | Edition 4 Fact Bulletin




Edisi terakhir bagi tahun 2015 membawa tema Kesejahteraan Hidup Belia Malaysia dengan terhasilnya Indeks Belia Malaysia bagi tahun 2015 yang dibangunkan menerusi penyelidikan saintifik bagi tujuan rujukan pihak penggubal dasar dan pembuat keputusan secara langsung dan tidak langsung dalam usaha pembangunan belia.

*The last edition for 2015 is themed The Welfare of Youth in Malaysia with the production of the Malaysian Youth Index for the year 2015 developed through scientific research for the purpose of reference for policy and decision makers, directly or indirectly in youth development efforts.*

## **Laporan Tahunan 2014** | 2014 Annual Report




Laporan Tahunan 2014 merupakan rumusan bagi keseluruhan pengurusan dan pelaksanaan program/aktiviti IYRES dalam menjalankan fungsi sebagai sebuah pusat penyelidikan menjurus kepada pembangunan belia. Keseluruhan aktiviti IIYRES dilaporkan dalam bentuk yang mudah untuk difahami oleh setiap stakeholder IYRES. Malah Laporan Tahunan 2014 dan Penyata Kewangan institut telah diperakui di peringkat Agensi Pusat dan telah dibentangkan di peringkat Kabinet pada tahun 2015. Syor serta ulasan daripada Agensi Pusat bagi IYRES menjalankan fungsinya akan dilaksanakan bagi tahun-tahun seterusnya.

*2014's Annual Report is a summary of the general management and implementation of IYRES's programmes/activities in its function as a research centre that leans towards youth development. All of IYRES's activities were reported in a style that's simple to be understood by every IYRES stakeholder. In fact, the institute's 2014 Annual Report and Financial Statement has been certified at Central Agency level and presented at Cabinet level in 2015. The Central Agency's recommendation and summary for IYRES to carry out its function will be implemented in the coming years.*

## **Malaysian Journal Of Youth Studies Edisi 12 2015 (Jun)** | Malaysian Journal Of Youth Studies Edition 12 2015 (June)




Mengumpulkan 16 buah artikel daripada ahli akademik, penerima geran penyelidikan IYRES, individu perseorangan yang mempunyai kaitan dalam bidang pembangunan belia.

*Gathered 16 articles from academicians, recipients of IYRES research grants, single individuals who are involved in the youth development field.*

## **Malaysian Journal Of Youth Studies Edisi 13 2015 (Disember) |** Malaysian Journal Of Youth Studies Edition 13 2015 (December)




Mengumpulkan 15 buah artikel yang berkaitan dengan pembangunan belia dalam pelbagai latar disiplin. Sumbangan artikel diterima daripada ahli akademik, penerima geran penyelidikan IYRES dan individu perseorangan yang mempunyai kaitan dalam usaha pembangunan belia secara menyeluruh.

*Gathered 15 articles connected to youth development in various discipline backgrounds. The articles were contributed by academicians, recipients of IYRES research grants, single individuals who are involved in the youth development field.*

## **Indeks Belia Malaysia 2015 |** Malaysian Youth Index 2015




Pelaporan Indeks Belia Malaysia 2015 (IBM'15) dibangunkan oleh Kementerian Belia dan Sukan Malaysia (KBS) sebagai penanda aras kepada kesejahteraan hidup belia seperti yang terkandung dalam pembentukan Dasar Belia Malaysia.

Inisiatif melahirkan IBM'15 ini telah dilaksanakan oleh pihak Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) dengan melaksanakan satu sistem pemantauan kesejahteraan hidup belia yang holistik serta boleh diangkat untuk rujukan di peringkat global. Kementerian Belia dan Sukan senantiasa memastikan pembangunan belia negara ini adalah seiring dengan keperluan melahirkan belia yang mempunyai keperibadian unggul. Melalui penanda aras yang dilaksanakan ini, pihak kementerian akan dapat memantau sejauh mana program dan polisi yang telah dibangunkan.

Bagi memastikan IBM'15 dapat dimanfaatkan oleh semua pemegang taruh, inisiatif ke arah meningkatkan pemahaman berkaitan indeks ini perlu dilakukan secara menyeluruh. Inisiatif ini adalah perlu kerana pemahaman yang jelas berkaitan kepentingan serta keperluan indeks ini akan dapat membantu pihak berkaitan merancang serta membangunkan pelan strategi yang lebih efektif. IBM'15 bukan setakat menilai daripada segi keputusan skornya semata-mata malah, apa yang lebih utama ialah tindakan dan langkah seterusnya yang perlu dilakukan untuk melonjakkan pencapaian skor indikator-indikator yang berada pada tahap memuaskan. Gerak kerja ini memerlukan tindakan secara bersepadu (intergrated approach) dengan semua pemegang taruh sama ada agensi kerajaan mahupun pihak NGO.

*The 2015 Malaysian Youth Index Report was developed by the Ministry of Youth and Sports Malaysia as a benchmark to the welfare of youth as contained in the formation of Malaysian Youth Policy.*

*It was the Institute of Youth Research Malaysia which took the initiative to create the Malaysian Youth Index 2015 by carrying out a holistic monitoring system towards the welfare of youth that can also be used as a reference globally. The Ministry of Youth and Sports always ensures that the development of youth in the country is in line with the need to create youths who have great personality. Through this benchmark, the ministry will be able to monitor the extent of the program and policies developed.*

*To ensure that the Malaysian Youth Index 2015 is benefited by all stakeholders, the initiative towards increasing awareness in this index need to be carried out comprehensively. This initiative is needed because a clear understanding regarding the importance and need of this index will help parties concerned to plan and develop more effective strategies. The Malaysian Youth Index does not just evaluate the results of the score but what's more important is the successive action and steps needed to better the performance of the score indicators that are only at satisfactory level. This work requires the integrated approach by all stakeholders whether from government agencies or NGOs.*

## **Ringkasan Eksekutif Indeks Belia Malaysia 2015 |**
## Executive Summary of the 2015 Malaysian Youth Index




Ringkasan Eksekutif Indeks Belia Malaysia diterbitkan bagi tujuan membantu semua pihak berkepentingan memahami secara ringkas berkaitan laporan Indeks Belia Malaysia 2015 (IBM'15). IBM'15 diwujudkan bertujuan untuk memantau perkembangan kesejahteraan hidup generasi belia di Malaysia berdasarkan 12 domain dan 58 indikator yang telah dibangunkan.
Ringkasan Eksekutif ini juga diterbitkan bagi menghuraikan proses-proses pelaksanaan penyelidikan IBM'15 merangkumi aspek cabaran yang dihadapi oleh belia Malaysia pada hari ini, pengenalan IBM'15, kepentingan, proses pembangunan IBM'15, definisi domain dan indikator, dapatan laporan IBM'15 serta pelan tindakan hasil pelaporan IBM'15

*Executive Summary of the Malaysian Youth Index was published for the purpose of helping all parties interested briefly understand the 2015 Malaysian Youth Index report. The 2015 Malaysian Youth Index was created for the purpose of monitoring the welfare of youth in Malaysia based on 12 domains and 58 indicators that were developed.*
*This Executive Summary was also published to elaborate the research processes carried out on the 2015 Malaysian Youth Index covering the challenges faced by Malaysian youth today, recognition of the index, importance, development process of the index, domain and indicator definition, report findings and action plans from the reporting of the index.*

## **Statistik Belia Malaysia Vol. 3 |**
## Malaysian Youth Statistic Vol. 3




Buku Statistik Belia Malaysia: Data Semasa Tahun 2014 ini merupakan salah satu koleksi bahan terbitan berkala IYRES yang memuatkan 14 topik yang mana ia memberikan gambaran mengenai kedudukan belia merangkumi data demografi belia, ekonomi, sukan, gejala sosial, dan sebagainya.
Buku statistik ini juga menghimpunkan data- data primer dan sekunder yang diperoleh melalui maklumat yang dibekalkan oleh agensi-agensi Kerajaan dan bukan Kerajaan serta melalui penyelidikan yang telah dilaksanakan secara dalam IYRES dan secara kerjasama dengan pakar-pakar akademi luar.

*Book on Malaysian Youth Statistic: Current Data for the Year 2014 is one of the collection of periodicals of IYRES that contains 14 topics which depicts the position of youth. This covers data of youth demography, economy, sports, social symptoms, etc.*
*This statistic book also has a collection of primary and secondary data obtain through information provided by government agencies and NGOs and also through comprehensive researches carried out by IYRES and via cooperation with outside academic experts.*

## The Asean Community : Malaysian Youth Aspiration And Way Forward
The Asean Community : Malaysian Youth Aspiration And Way Forward




Naskhah terbitan IYRES yang dihasilkan melalui penyelidikan yang dilaksanakan oleh kumpulan penyelidik IYRES ini membekalkan input yang bersifat komprehensif dan berinformasi kepada semua pihak berkaitan Aspirasi serta Matlamat belia Malaysia dalam merealisasikan hasrat murni Hala tuju Komuniti ASEAN. Buku ini mengandungi 9 Bab yang menggariskan fakta-fakta berhubung senario semasa belia Malaysia, belia sebagai penerima faedah melalui Blue Print Komuniti ASEAN yang merangkumi Tiga tunggak utama iaitu Politik dan Keselamatan, Ekonomi, dan sosio-budaya. Info daripada buku ini juga menggarap aspirasi, maklumat dan kesediaan belia Malaysia dalam memperteguh diri dan dapat menyumbang kepada hasrat murni pembentukan Komuniti ASEAN. Selain mendapatkan fakta berhubung isu-isu ASEAN dalam kalangan belia melalui survey yang dijalankan, IYRES juga telah mendapatkan input-input tambahan untuk menerbitkan buku ini melalui hasil Persidangan Meja Bulat "Gagasan Komuniti ASEAN" yang melibatkan golongan belia. menjadi hasrat IYRES sebagai institusi penyelidikan belia untuk menghasilkan dokumen ini sebagai asas rujukan dan panduan utama terutamanya kepada golongan belia, ibu bapa, pendidik, pemimpin masyarakat, serta pemegang taruh (stakeholders) yang merupakan agen utama dalam proses merealisasikan hasrat terkandung dalam gagasan Komuniti ASEAN.

*The book published by IYRES through research carried out by IYRES's group of researchers provide comprehensive input that's information-oriented for all parties interested regarding the aspirations and target of Malaysian youth in realizing the goal of ASEAN Community. This book contains 9 chapters outlining factors on the currect scenario of Malaysian youth, youths as beneficiaries of the ASEAN Community Blue Print covering three main pillars, i.e. Politics and Safety, Economy and Socio-Culture. Information from this book also deals with aspirations, information and preparedness of Malaysian youth in establishing themselves and contribute to the aim of forming the ASEAN Community. Other than obtaining facts on ASEAN issues among youths via surveys, IYRES also obtained additional input to publish this book from the results of the Round Table Conference entitled " mendapatkan fakta berhubung isu-isu ASEAN dalam kalangan belia melalui survey yang dijalankan, IYRES juga telah mendapatkan input-input tambahan untuk menerbitkan buku ini melalui hasil Persiandgan Meja Bulat "ASEAN Community Ideas" involving youths. It is the aim of IYRES as the youth research institute to produce this document as a reference base and main guideline especially to the youth, parents, educators, society leaders and stakeholders who are the main agents in the process of realizing the aim contained in the ASEAN Community Ideas.*

## Aset Belia Positif
Positive Youth Asset




Buku Aset Belia Positif membawa penekanan kepada Pembangunan Belia Positif iaitu satu pendekatan yang memberikan keutamaan kepada golongan muda sebagai aset yang bermakna kepada negara dan bukanlah liabiliti. Aset golongan muda terdiri daripada aset dalaman dan aset luaran yang dapat dipertingkatkan bagi membina kapasiti, kekuatan dan keperluan pembangunan diri golongan muda dan tidak bersandarkan kepada kekurangan mereka seperti faktor risiko, tingkah laku negatif yang mencetuskan permasalahan seterusnya mengehadkan potensi golongan muda. Buku ini juga akan mendalami prosedur perencanaan, elemen-elemen penerapan pendekatan pembangunan belia positif di peringkat pelaksanaan sesuatu dasar atau program-program pembangunan belia.

*This book on Positive Youth Asset stresses on Positive Youth Development, i.e. an approach that prioritizes youth as a meaningful asset to the nation instead of a liability. The youth asset is made up of internal and external assets that can be improved in order to build capacity, strength and the need of the youth's personal development instead of concentrating on their weaknesses, i.e. risk factors, negative behaviour that lead to problems and limit the potential of the youth. This book also dwells on planning procedures, the approach towards positive youth development at the level where certain policies or youth development programmes are implemented.*

# LAPORAN PENGURUSAN MAKLUMAT
## REPORT ON INFORMATION MANAGEMENT

**Portal Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES)**
Portal of Institute for Youth Research (IYRES)




http://www.iyres.gov.my

Bemula awal tahun 2015 portal rasmi Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) telah dapat di akses melalui capaian http://www.iyres.gov.my. Domain capaian ini telah diselaraskan dengan nama gelaran "IYRES" untuk memudahkan orang awam mencari maklumat berkaitan dengan IYRES. Walau bagaimanapun, capaian melalui domain lama http://www.ippbm.gov.my masih dikekalkan untuk kemudahan pengunjung sedia ada. Dari segi rekabentuk interface portal masih dikekalkan sepertimana tahun 2014 tetapi dari segi kandungan dan perisian portal telah dikemaskini dari semasa ke semasa mengikut keperluan.

Pencapaian yang telah diperolehi oleh Portal IYRES pada tahun 2015 ialah, telah mendapat tempat kedua dalam Pertandingan Pengemaskinian Portal Antara Agensi bagi peringkat Kementerian Belia dan Sukan dan telah mendapat Sijil Penghargaan dan cek bernilai RM750.00. Selain itu juga, Portal ini telah mendapat 5 bintang hasil daripada Penilaian Kendiri menggunakan Sistem Self-Assessment yang disediakan oleh Unit Pemodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) mengikut piawaian yang diberikan oleh pihak Multimedia Development Corporation (MDEC) yang dilaksanakan setiap bulan bermula daripada Julai 2015 hingga Disember 2015. Walaubagaimanapun, keputusan sebenar Penarafan Bintang dijangka akan diumumkan pada Mac 2016.

*At the beginning of 2015, the official portal of Institute for Youth Research Malaysia (IYRES) received access via http://www.iyres.gov.my. Domain for this access was coordinated with the name "IYRES" to make it easy for the public to find information about IYRES. However, access via the old domain http://www.ippbm.gov.my is still maintained for the convenience of existing visitors. The design interface of the portal is still the same as in 2014 but the contents and software of the portal is updated from time to time as needed.*

*The achievements of IYRES's portal in 2015 is second placement in the Inter-Agency Portal Update Competition organized by Ministry of Youth And Sports in which it received a Certificate of Appreciation and a cheque for RM750.00. Besides that, this portal also received a 5-star rating as a result of Self-Evaluation using the Self-Assessment system prepared by the Malaysian Administrative Modernisation and Management Planning Unit (MAMPU) based on the standard provided by the Multimedia Development Corporation (MDEC) carried out every month starting from July 2015 until December 2015. However, the actual result of Star Rating is expected to be announced on March 2016.*








Antara maklumat yang terkandung dalam portal IYRES adalah ruangan Berita Terkini, Web Personalization, infografik-infografik hasil kajian, pengumuman, sudut undian, maklumbalas, kalendar, pautan-pautan pantas, arkib berita, gambar, rencana dan dokumen-dokumen dasar dan pekeliling berkaitan untuk rujukan.

*Among the information found in IYRES's portal are sites for Berita Terkini, Web Personalization, infographics from study findings, announcements, voting corner, feedback, calendar, speed links, news archive, photos, features and policy documents and related circulars for reference.*

Bagi ruangan Web Personalization, terdapat 6 kategori utama yang telah dibahagikan mengikut kesesuaian dan cadangan maklumat yang ingin diakses pada portal IYRES. Kategori pertama iaitu orang awam boleh membuat capaian pantas dari segi koleksi keratan-keratan akhbar, Aplikasi Pemetaan Belia Malaysia, penerbitan, e-bulletin, Fakta Belia dan Indeks Belia Malaysia. Manakala bagi kategori kedua fokus kepada warga kakitangan IYRES yang mana menyediakan pautan kepada Sistem HRMIS, Sistem Emel Rasmi IYRES, koleksi perutusan KSU KBS dan juga Sistem Pengurusan Dokumen IYRES yang hanya dapat diakses menggunakan rangkaian dalaman sahaja. kategori ketiga adalah fokus kepada Penyelidikan yang mana disediakan pautan pantas kepada kertas-kertas kerja kajian dan juga piagam penyelidikan. Kategori keempat adalah berkaitan dengan program-program intelektual IYRES yang mana memfokuskan maklumat berkaitan semua program-program yang telah dilaksanakan oleh IYRES dan juga katalog buku-buku jualan IYRES. Bagi kategori yang kelima adalah memfokuskan kepada perkhidmatan-perkhidmatan atas talian yang disediakan oleh IYRES dan KBS iaitu seperti pautan pantas kepada Sistem E-Belia, Aplikasi Pemetaan Belia Malaysia, Sistem PUSAT Sumber IYRES, Sistem Pendaftaran Maklumat Badan Sukan, dan Sistem Parlimen Belia Malaysia. Kategori yang terakhir adalah lain-lain yang mengandungi pautan pantas kepada ruangan maklumbalas pelanggan, forum, kajian online dan juga maklumat kekosongan perjawatan.

